

INVENTORI DAN PENYEBARAN FONEM VARIAN MELANAU DARO DI SARAWAK

NORFAZILA AB. HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
norfazilaabhamid@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membicarakan salah satu varian Melanau (VM) yang terdapat di Pulau Borneo Sarawak iaitu varian Melanau Daro (VM DO). Objektif kajian dalam makalah ini ialah menganalisis aspek-aspek fonologi yang masih belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang VM DO terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VM DO dengan memaparkan distribusi bunyi vokal, diftong dan konsonan dan melihat keberadaan alternasi dalam VM DO ini. Pendekatan yang dimanfaatkan dalam mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa VM DO mempunyai 6 fonem vokal iaitu /i, u, e, o, ↔, a/ dan memiliki tiga diftong iaitu /-oj, -aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [-oj, -aw, -aj]. Seterusnya, VM DO mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, dua konsonan letusan / tΣ, dZ/, tiga konsonan geseran /s, ⊗, h/, empat konsonan nasal /m, n, ʃ, N/ satu konsonan getaran /r/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan), VM ini turut memperlihatkan wujudnya enam jenis rangkap konsonan iaitu bukan homorganik nasal /-⊗s-, -hl-, dan -⊗b-/ dan homorganik nasal pada posisi tengah kata. Pada posisi ini, rangkap homorganik nasal ini wujud dalam bentuk nasal + letupan dengan membentuk konstruksi seperti berikut; /-Nk-, -Ng- dan -nt-/. Penemuan ini menambah pemahaman sistem bunyi Melanau khususnya VM DO dan menyumbang kepada kajian dialektologi dan tipologi fonologi Austronesia.

Kata kunci: Distribusi; Fonologi; Fonem; Melanau Daro; Sarawak.

INVENTORY AND DISTRIBUTION OF MELANAU DARO VARIANT PHONEMES IN SARAWAK

ABSTRACT

This paper discusses one of the Melanau variants (VM) found in Borneo Island Sarawak, which is the Melanau Daro variant (VM DO). The objective of the research in this paper is to analyze the aspects of phonology that have not yet been explained in some studies about VM DO, especially in determining the total inventory of phonemes. Thus, this study aims to touch on phonetic and phonological aspects by describing the phonological system of VM DO by displaying the distribution of vowel sounds, diphthongs and consonants and looking at the existence of alternations in this VM DO. The approach used in achieving the objective of this study is the structural approach. The results of the study prove that VM DO has 6 vowel phonemes namely /i, u, e, o, ↔, a/ and has three diphthongs namely /-oj, -aw, -aj/ which are sounded as [-oj, -aw, -aj]. Next, VM DO has 20 consonant phonemes; seven explosive consonants /p, b, t, d, k, g, //, two explosive consonants / tΣ, dZ/, three fricative consonants /s, ⊗, h/, four nasal consonants /m, n, ŋ, N/ one vibrating consonant /r/, one lateral consonant /l/ and two semi-vowel consonants /w, j/. In relation to consonant clusters (consonant groups), this VM also shows the existence of six types of consonant clusters, namely non-homorganic nasals /-⊗s-, -hl-, dan -⊗b-/ and homorganic nasals in the middle of the word. In this position, this homorganic nasal couplet exists in the form of nasal + plosive by forming the construction as follows; /-Nk-, -Ng- dan -nt-/. This discovery adds to the understanding of the Melanau sound system in particular VM DO and contributes to the study of Austronesian dialectology and phonological typology.

Keywords: Distribution; Phonology; Phonemes; Melanau Daro; Sarawak.

PENGENALAN

Pulau Borneo, khususnya bahagian Sarawak, merupakan kawasan linguistik yang kaya dengan variasi bahasa tempatan termasuk kelompok Melanau. Varian-varian Melanau tersebar di beberapa kawasan pesisir dan hiliran sungai, masing-masing mempamerkan ciri fonologi dan leksikal yang unik. Kajian tentang inventori fonem penting untuk memahami struktur bunyi setiap varian serta hubungan sejarah dan geografi antara varian-varian tersebut. Walaupun kajian terdahulu (sebanyak 27 kajian terdahulu telah dirujuk untuk memberikan gambaran awal mengenai penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Dari 27 kajian tersebut, 23 varian Melanau (VM) ditemui di Sarawak, melibatkan pelbagai lokasi yang berbeza) telah membincangkan beberapa varian Melanau, maklumat tentang Varian Melanau Daro (VM DO) masih belum terperinci, khususnya dari segi susunan vokal, diftong dan sistem konsonan.

Kajian ini memfokuskan kepada inventori fonem VM DO dengan tujuan menjelaskan aspek-aspek fonologi yang kurang diterangkan dalam kajian sedia ada. Oleh itu, aspek fonetik dan fonologi adalah subjek kajian ini (lihat juga kajian Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H, 2010; Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2010; Kaharuddin & Rahim Aman, 2011, Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman, 2016.) Kajian ini mendeskripsikan sistem fonologi VM DO dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong dan konsonan dalam kata VM DO berlandaskan pendekatan struktural (lihat juga kajian yang sama

dalam Norfazila Ab Hamid et al. (2017), Norfazila Ab Hamid & Rahim Aman (2017), Norfazila Ab Hamid (2019 dan 2020), Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramli (2021), Norfazila Ab Hamid & Wan Robiah Meor Osman (2023), serta Norfazila Ab Hamid et al. (2023), Norfazila (2024) dan Norfazila & Shahidi A.H (2024), data dikumpul melalui kajian kepustakaan dan kerja lapangan yang melibatkan senarai kata, temu bual berstruktur, rakaman sedar, transkripsi IPA dan pemerhatian ikut serta. Dengan menumpukan perhatian kepada penyebaran vokal, diftong, konsonan dan rangkap konsonan mengikut posisi dalam kata, kajian ini bertujuan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang sistem bunyi VM DO serta menyumbang kepada pemahaman dialektologi Melanau dan tipologi fonologi Austronesia.

LATAR BELAKANG PULAU BORNEO

Pulau Borneo merupakan pulau ketiga terbesar di dunia dan dikongsi oleh tiga buah negara iaitu Malaysia Timur, Brunei dan Indonesia (Kalimantan). Pulau ini diduduki oleh pelbagai kaum dan etnik asli Dayak dan orang-orang Cina yang awalnya berhijrah dari China Tenggara. Borneo dikelilingi oleh Laut China Selatan di Utara Barat Laut, Laut Sulu di Timur Laut, Laut Sulawesi dan Selat Makasar di sebelah Timur dan Laut Jawa dan Selat Kalimantan di Selatan. Ini adalah pulau terbesar di Kepulauan Melayu dengan keluasan 743330km persegi (287000 batu²). Sabah dan Sarawak adalah dua buah negeri yang mewakili negara Malaysia di Kepulauan Borneo.

Sabah yang merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas negeri Sarawak, iaitu dengan keluasan 73,619 km² (persegi), terdapat tidak kurang 55 bahasa sukuan. Menurut Asmah Hj. Omar (dlm Abdul Hamid Mahmood & Noor Aina Dani 1994), bahasa-bahasa tersebut menganggotai rumpun yang sama yang turut dianggotai oleh bahasa Melayu. Menurut Smith (dlm Abdul Hamid Mahmood & Noor Aina Dani 1994), di negeri Sabah terdapat bahasa Chanacano, Jawa, Butung, Bugis, Iranon, Suluk, Lundayeh, Banggi, Idaan, Tidong, Keluarga bahasa Melayu (Cocos, Brunei, Kedayan, Iban); keluarga Bajau, (Bajau Pantai Barat, Balangingi, Sama, Kagayan); keluarga bahasa Murut (Selungai, Kolod, Serudung, Sembakung, Kalabakan, Baukan, Sumambu, Paluan, Timogun, Beaufort, Murut, Keningau Murut, dan Gana); dalam keluarga bahasa Dusun (Kuijau, Bisaya, Tatana, Kadazan Tambanua, Lotud, Timur Kadazan, Rungus, Papar Kadazan/Dusun, Kadazan Sungai Klias, Kimaragang, Garo, Tebilung, dan Dumpas); keluarga bahasa Pintaanik (Lingkabau, Sungai Abai, Tambanua, Ulu Kinabatangan, dan Lobu).

Manakala, Sarawak¹ pula adalah salah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 47,000 batu persegi (Human Relation Area Files 1959: 19). Sekarang ini, Sarawak dapat menampung jumlah penduduk yang ramai iaitu kira-kira berjumlah sebanyak 2,176,800 orang penduduk² dan mempunyai pantai sepanjang 800 kilometer iaitu sepanjang pantai Barat Laut Pulau Borneo. Negeri Sarawak dipisahkan dengan jarak 600 km Laut Cina Selatan dari Semenanjung Malaysia. Sarawak juga dikenali sebagai Bumi Kenyalang. Sebelum Mac 2002, Sarawak terbahagi kepada sembilan bahagian iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Bintulu (Information Malaysia 1992-93 Year Book, 1992: 720. Rujuk Lampiran A: Pembahagian Kawasan Negeri Sarawak). Namun begitu, pada 1 Mac 2002 bahagian Mukah telah diisytiharkan sebagai Bahagian Kesepuluh dalam pentadbiran Sarawak. Selepas itu, Betong pula turut diisytiharkan sebagai Bahagian Kesebelas dalam pentadbiran Sarawak.

KAJIAN BAHASA MELANAU

Menurut Asmah (1983: xi), orang di Sabah dan Sarawak dikenali melalui nama yang mungkin menunjukkan satu kumpulan secara linguistiknya bervariasi atau sesuatu kumpulan yang mempunyai satu

bahasa. Sama situasinya dengan Sabah, negeri Sarawak juga mempunyai pelbagai bahasa sukuan. Asmah (1983: xii) membahagikan kaum dan bahasa yang digunakan di Sarawak seperti berikut:

<u>Kaum</u>	<u>Bahasa</u>
Melanau	Melanau di Bintulu
Bidayuh	Bidayuh di Serian
	Biatah di Kuap
Penan	Penan di Long Iman
Kayan	Kayan di Long Miri
Kenyah	Kenyah di Long Terawang
Narom	Narom
Iban	Iban
Kelabit	Kelabit
Lun Bawang	Lun Bawang

Setiap suku kaum ini, mendiami kawasan tertentu di Sarawak. Menurut Harrison (1959: 57), antara suku bangsa bumiputera, kaum Punan merupakan suku yang masih menetap di dalam hutan rimba serta mengamalkan sistem berpindah-randah. Mereka mendiami kawasan di sekitar Balui, Sungai Belaga di bahagian ketiga, Tinjar, Baram, dan Turoh di bahagian keempat, dan juga di Ulu Belait. Suku Bangsa Kayan dan Kenyah mendiami lembah-lembah Batang Kayan, Batang Baram, dan Batang Rejang. Manakala menurut Asmah (1975:14-17), orang-orang Melanau pula menduduki tempat-tempat di antara Tanjung Kedorong dengan Kuala Rejang. Kaum Kelabit, kebanyakannya mendiami kawasan-kawasan di atas bukit di daerah pedalaman (Utara Sungai Baram). Suku Bisaya terdapat di pinggir-pinggir sungai Limbang dan dekat sempadan Brunei. Manakala, suku Murut menduduki kawasan di sungai-sungai Baram, Rejang, dan Limbang. Setiap suku kaum tadi mempunyai bahasa yang tersendiri.

Bahasa Melanau tergolong dalam bahasa Austronesia. Bahasa Austronesia ialah bahasa yang tersebar daripada keluarga bahasa Austris kebudayaan Dong Son di Selatan negeri China dalam tahun 2500 S.M. Orang Melanau di Sarawak tinggal dalam beberapa kawasan yang berbeza, tetapi bertutur dalam bahasa yang sama iaitu bahasa Melanau (King 1978). Menurut King (1978), pada 1960 terdapat kira-kira 44000 orang Melanau, dan kira-kira $\frac{1}{4}$ daripada mereka masih pagan, selebihnya beragama Islam, kecuali sebilangan kecil yang telah menganut Kristian Roman Katolik.

Kajian ke atas kelompok bahasa Melanau telah pun dilakukan hampir mencecah dua abad lamanya. Dalam jangka masa itu, sudah banyak kajian tentang kelompok bahasa Melanau ini diterbitkan sama ada dalam bentuk buku, tesis, dan jurnal. Sebanyak 27 kajian lampau telah dirujuk bagi mendapatkan gambaran awal berkenaan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Terdapat 23 VM yang terdapat di Sarawak dan sudah tentunya melibatkan lokasi geografinya yang berbeza. Hasil daripada bacaan kajian lampau yang dirujuk, apa yang dapat pengkaji simpulkan ialah kajian tersebut bukanlah satu kajian yang bersifat menyeluruh bagi mewakili kelompok Melanau ini. Masih banyak kawasan Melanau yang belum diterokai. Namun begitu, bukanlah pengkaji sifatkan ini sebagai satu kesilapan terhadap kajian terdahulu kerana setiap pengkaji berhak menentukan kawasan kajian yang ingin diterokai berlandaskan minat, kepakaran, atau mungkin tempoh kajian yang ingin dilakukan agak terhad menyebabkan kawasan yang ingin dikaji agak terbatas.

Justeru, apa yang boleh dikatakan di sini ialah kajian terdahulu banyak memberikan sumbangan, telah memberi ruang dan menjadi petunjuk jalan bagi kajian akan datang bagi melihat dengan lebih mendalam dan meluaskan lagi skop kajian berlandaskan kajian dalam ilmu kebahasaan ini. Kelompongan

kajian terdahulu adalah satu kelebihan kepada pengkaji yang baharu untuk mengisi setiap kelompongan penyelidikan sebelumnya.

METODOLOGI DAN PENDEKATAN KAJIAN

Richards & Rodgers (dlm Henry 1991: 1), mengatakan metodologi mencakupi sukatan, pendekatan, strategi atau teknik, dan prosedur. Oleh itu, bolehlah dikatakan metodologi merupakan cara atau tatacara gerak kerja dalam sesuatu penyelidikan. Metod atau kaedah yang baik dan sesuai akan menghasilkan dapatan kajian yang baik. Dalam melakukan sesuatu kajian, beberapa kaedah tertentu boleh digunakan untuk memungut, menganalisis, serta mentafsir data. Dalam bahagian ini secara khusus membincangkan metodologi dan pendekatan kajian yang digunakan dalam mengenalpasti inventori fonem VM DO. Kajian ini berlandaskan dua kaedah kajian utama iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kaedah kajian lapangan (pemilihan senarai kata/soal selidik, pemilihan informan, pengumpulan data, pemaparan data dan analisis data). Kedua-dua kaedah ini digunakan bagi menghasilkan satu dapatan kajian yang lebih berpeda.

Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan, merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd Sheffe 1991: 41). Dalam kajian ini, kajian kepustakaan dilakukan untuk mencari maklumat-maklumat penting, seperti latar belakang masyarakat Melanau di Sarawak. Maklumat tentang latar belakang masyarakat ini penting sebelum pengkaji ke lapangan kerana dapat memberikan gambaran awal kepada pengkaji tentang corak kehidupan masyarakat tersebut. Melalui kaedah kepustakaan juga, pengkaji memperoleh kosa ilmu utama berhubung kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang topik yang hendak dikaji. Maklumat kajian terdahulu ini dapat mengelakkan pengkaji daripada membuat kajian yang sama. Sebanyak 27 kajian lampau telah dirujuk bagi mendapatkan gambaran awal berkenaan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Sehubungan itu, kajian perpustakaan juga dilaksanakan bagi mendapatkan panduan tentang pendekatan struktural.

Selain penting untuk mengetahui latar belakang masyarakat, kajian kepustakaan ini penting untuk pengkaji mengetahui tentang pelbagai definisi, konsep, fakta-fakta, serta maklumat-maklumat tentang kajian lepas yang tidak mungkin didapati di lapangan. Hal ini, sejajar dengan pendapat Mouly (1970: 227), yang menyatakan “...*Before on educational researcher initiates a study he must, first determine what has previously been done in the area. The most important is to improve the effectiveness of educational practice.*”

Beberapa buah perpustakaan telah digunakan untuk mencari bahan bagi kajian ini. Perpustakaan tersebut ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Sumber Jabatan Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarawak Muzium Jurnal, Pejabat Residen Mukah, Perpustakaan Awam Mukah dan bilik sumber Pejabat Daerah Mukah. Dalam usaha memperoleh maklumat tentang bahasa dan masyarakat Melanau, pengkaji mendapati maklumat yang diperoleh adalah terhad, memandangkan hanya sedikit sahaja kajian yang dilakukan tentang VM ini dan kajian tersebut bersifat ini secara sepintas lalu.

Kajian Lapangan

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1980: xv), kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum

merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar bilik pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Dalam bidang linguistik, kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Salah satu aspek penting dalam kajian lapangan ialah strateginya untuk memantapkan sesuatu hasil kajian. Oleh itu, dengan kata lain kerja lapangan ini adalah penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat serta data yang kukuh, bertepatan objektif kajian. Dalam kajian lapangan ini, aspek yang di sentuh ialah pemilihan senarai kata/soal selidik, pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan data dan pemaparan data serta analisis data.

Pemilihan Senarai Kata/Soal Selidik

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan merupakan senarai kata yang digunakan oleh Rahim Bin Aman (1997), dalam kajiannya yang bertajuk '*Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*'. Walaupun, senarai kata ini pada asasnya diambil daripada senarai kata Rahim Aman, namun dalam kajian ini, senarai kata tersebut telah diubahsuai supaya bersesuaian dengan masyarakat (lihat Mohd Tarmizi Hasrah et al. 2010, Kaharuddin & Rahim, 2011, Norfazila, 2014, Norfazila & Rahim, 2016 dan 2017, Norfazila et al. 2017 dan Norfazila Ab Hamid 2019 dan 2020 dan Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramli 2021, Norfazila et al. 2023, Norfazila, 2024 dan Norfazila & Shahidi, 2024). Senarai kata ini terdiri daripada 473 perkataan yang terdiri daripada 12 domain makna ini diambil dan diuji sendiri oleh pengkaji di kawasan lapangan terhadap tujuh VM iaitu Mukah (MKH), Matu (MT), Dalat (IGN), Igan (IGN), Daro (DO), Balingian (BLGN) dan Daro (DO). Kata-kata ini adalah kata-kata asas yang digunakan dalam VM yang mengandungi medan makna seperti berikut;

- | | |
|------------------------|--------------------|
| 1. Tubuh Badan | 7. Alat Pertanian |
| 2. Kata Kerja | 8. Makanan |
| 3. Alat Rumah | 9. Waktu dan Cuaca |
| 4. Nama dan Ganti Nama | 10. Kata Ukuran |
| 5. Binatang | 11. Pakaian |
| 6. Persaudaraan | 12. Kata Bilangan |

Pemilihan Kawasan dan Batasan Kajian

Pada umumnya, petempatan utama masyarakat Melanau di Sarawak dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada kumpulan Tengah iaitu mereka yang tinggal di sekitar Sungai Igan, Daro, dan Mukah. Kumpulan kedua ialah kumpulan Selatan, iaitu yang tinggal di sekitar sungai Rejang iaitu dari Rejang hingga ke Matu. Kumpulan ketiga ialah kumpulan Utara iaitu yang tinggal di sekitar Balingian sehinggalah ke Bintulu. Pembahagian kumpulan ini adalah berdasarkan perbezaan dari aspek pola petempatan dan pertuturan (Clayre 1970: 330-352). Petempatan mereka lebih berpusat di kuala-kuala sungai yang berdekatan dengan kawasan pantai seperti Bintulu, Mukah, Daro, Matu, dan Igan yang merupakan kawasan yang subur. Di samping itu, terdapat kelompok perkampungan lain yang lebih kecil dan kebanyakannya terletak dari daerah Rajang di bahagian keenam sehinggalah ke daerah penempatan yang agak pedalaman seperti Dalat, Medong, Kut, Narub, Balingian, dan Tatau (sila lihat Peta 1: Peta Kawasan Melanau). Lokasi kajian dalam makalah ini ialah di kawasan Daro. Peta 1 menunjukkan peta kawasan kajian VM DO.



RAJAH 1. Kawasan Kajian

Daro ialah sebuah daerah dan pekan yang terletak di Bahagian Mukah, Sarawak. Majoriti penduduk Daro yang berjumlah sekitar 25,000 orang terdiri daripada kaum Melanau. Mengikut cerita daripada informan, nama Daro berasal dari “Dao Aro” yang bermaksud “Bagus Ke” menjadi singkatan Daro. Kini pekan Daro pesat membangun dengan terbinanya pasar-pasar baru dan beberapa buah hotel. Daro terdiri daripada beberapa buah kampung seperti kampung Saai, kampung Penipah, Kampung Sebako, Kampung Bruit, Kampung Nangar dan Kampung Semop. Bumi Daro yang luas dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu di bahagian tanah besar dan bahagian pulau yang dikenali sebagai Pulau Bruit. Keadaan Daro pada masa kini begitu pesat membangun dengan infrastruktur yang begitu mendadak pertumbuhannya. Komuniti di sini kebanyakannya beretnik Melanau yang kaya dengan warisan budaya serta tradisi lama. Kawasan ini mempunyai landskap pesisir dan sungai yang memainkan peranan penting dalam kehidupan penduduk khususnya dalam aktiviti pertanian padi, perikanan, dan menangkap udang.

Kampung-kampung tradisional di Daro sering dipenuhi rumah panjang dan rumah kampung kayu yang mengekalkan ciri seni bina tempatan. Penduduknya terkenal dengan kemahiran membuat anyaman, alat muzik tradisional dan upacara kebudayaan seperti tari-tarian serta upacara adat perkahwinan Melanau. Makanan tradisi tempatan seperti kuih-muih Melanau, ikan panggang dan hidangan berasaskan hasil laut sering ditemui di majlis-majlis masyarakat.

Daro juga mempunyai potensi ekopelancongan kerana kawasan paya bakau, hutan rawa dan sungai yang menarik pengunjung untuk melihat kehidupan liar, aktiviti memancing serta pengalaman budaya komuniti tempatan. Infrastruktur seperti jalan raya dan perkhidmatan asas sedang dibangunkan bagi memperbaiki aksesibiliti ke kawasan lebih pedalaman, namun beberapa kawasan masih memerlukan perhatian untuk kemudahan air bersih dan sanitasi.

Cabaran kepada pembangunan Daro termasuk ancaman perubahan iklim seperti kenaikan paras laut dan hakisan pesisir, serta keperluan menjaga warisan budaya sambil membangunkan ekonomi moden. Usaha pemuliharaan alam sekitar dan program pembangunan komuniti yang melibatkan penduduk

setempat amat penting untuk memastikan kelestarian ekonomi, sosial dan budaya kawasan ini.

Secara keseluruhan, Melanau Daro ialah sebuah kawasan yang memegang identiti budaya yang kuat, sumber semula jadi yang bernilai, dan berpotensi untuk pembangunan pelancongan serta ekonomi yang mampan jika diurus dengan teliti dan inklusif. Penduduk Daro juga terkenal dengan sikap ramah mesra, bersopan, serta mengekalkan budaya hidup sekampung yang membawa maksud hidup sepakat. Di jeti Daro, replika ikan Terubuk melambangkan ikan yang popular di Daro.

PEMILIHAN INFORMAN

Pemilihan informan mengikut jantina merupakan faktor penting untuk memperoleh data yang sahih dan mewakili data masyarakat yang dikaji. Terdapat pandangan berbeza berkaitan kriteria ini daripada ahli bahasa. Samarin (1967: 30) mencadangkan agar informan dipilih daripada jantina yang sama dengan penyelidik supaya dapat mengurangkan kecurigaan dalam komuniti bahasa yang dikaji. Sebaliknya, Ajid Che Kob (1985: 46) mendapati bahawa informan perempuan sering kali memberikan data yang lebih asli kerana kecenderungan mereka yang lebih konservatif dalam gaya pertuturan. Berdasarkan kedua-dua pandangan tersebut, kajian ini melibatkan kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan kerana pemerhatian lapangan menunjukkan bahawa variasi pertuturan antara kedua-dua kumpulan ini dapat mewakili corak bahasa di kawasan kajian dengan lebih menyeluruh.

Bagi aspek umur, Ajid (1985: 28) berpandangan bahawa informan yang lebih tua biasanya memaparkan keaslian dialek yang lebih kukuh; kelompok umur 70–75 tahun ke atas kerap menunjukkan ciri dialektal tradisional. Namun Samarin (1967: 30) pula menegaskan bahawa umur sahaja bukan penentu; yang lebih penting ialah pengalaman hidup dan keadaan informan yang benar-benar mencerminkan pola pertuturan masyarakat setempat. Mengambil kira hujah-hujah ini, kajian ini menyokong kepentingan umur sebagaimana yang dinyatakan oleh Ajid. Oleh itu, informan yang dipilih terdiri daripada golongan warga tua berumur antara 60 hingga 72 tahun dan dipilih berdasarkan keadaan kesihatan, ketajaman alat artikulasi, serta kemampuan mereka memaparkan ciri-ciri dialek tradisional secara konsisten.

Dari segi latar pendidikan, Ajid Che Kob (1985: 36) mencadangkan agar sekurang-kurangnya informan tidak mempunyai pendidikan formal yang tinggi supaya data yang dikumpul kurang dipengaruhi oleh norma pendidikan formal. Kurath (1972: 12–14) turut menyokong pandangan ini, menyatakan bahawa informan yang memiliki pendidikan formal terhad, kurang tabiat membaca, dan interaksi formal dengan luarannya yang minima cenderung memelihara bentuk pertuturan asli. Seiring dengan pandangan tersebut, kajian ini memilih tujuh orang informan yang tidak mempunyai pendidikan formal; mereka bekerja sebagai nelayan atau suri rumah tangga. Pemilihan ini bertujuan memastikan variasi linguistik yang diperoleh lebih mencerminkan bentuk pertuturan tradisional dan kurang tersilap disebabkan pengaruh bahasa standard atau pendidikan.

Oleh itu, strategi pemilihan informan dalam kajian ini menekankan kombinasi jantina (lelaki dan perempuan), umur (golongan warga tua yang mempunyai artikulasi baik), dan latar pendidikan (tanpa pendidikan formal). Gabungan kriteria ini dijangka menghasilkan data yang lebih autentik dan representatif bagi menggambarkan corak pertuturan serta ciri dialek dalam komuniti kajian.

PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data mesti dipilih dengan teliti supaya maklumat yang diperoleh tepat dan relevan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode cakap kerana fokusnya pada penggunaan bahasa secara

lisan dalam interaksi antara penyelidik dan informan. Menurut Mahsun (2005: 93), metode cakap menekankan pertukaran tutur antara peneliti dan informan dan suatu bentuk kontak langsung yang membolehkan pemerolehan data lisan secara autentik. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual, rakaman, serta pemerhatian ikut serta.

Temu bual digunakan sebagai teknik utama bagi mendapatkan maklumat terperinci. Berdasarkan Wan Hashim Wan Teh (1980: 7), temu bual merupakan proses interaksi antara penemu bual dan responden untuk tujuan memperoleh data. Dalam kajian ini, soalan-temu bual disusun berasaskan senarai kata yang telah disediakan pengkaji. Semasa sesi temu bual bersama informan, pengkaji menerapkan pelbagai strategi komunikasi untuk melancarkan perbualan dan mengurangkan kekakuan. Contohnya, apabila ingin mengumpul label nama anggota badan seperti ‘kuku’, pengkaji mengemukakan soalan sambil menunjukkan objek: “Pak cik, ini panggil apa?” Teknik visual dan kontekstual ini mengikut pendekatan yang pernah digunakan oleh Dieth dan Orton (Trudgill, 1990: 33), di mana pertanyaan disokong dengan aksi atau contoh konkrit untuk memudahkan pemahaman informan.

Untuk mengekalkan keselesaan dan memastikan data yang diperoleh bersifat spontan, pengkaji menyediakan ruang bercerita bagi informan berkongsi pengalaman hidup mereka. Sekiranya informan menunjukkan tanda keletihan semasa sesi, pengkaji menawarkan rehat dan termasuk minuman daripada tuan rumah bagi memulihkan tenaga. Rehat biasanya berlangsung selama lapan hingga dua belas minit sebelum sesi disambung. Setiap sesi biasanya mengambil masa antara dua hingga tiga jam bergantung kepada tenaga dan kesediaan informan.

Rakaman audio turut digunakan sepanjang sesi temu bual. Kaedah rakaman dianggap penting kerana ia membolehkan penyimpanan data lisan untuk rujukan berulang dan analisis lanjut. Labov (1972: 13) menegaskan bahawa rakaman bersama pemerhatian ikut serta adalah kaedah efektif untuk memperoleh data perbualan yang bermutu tinggi. Dalam kajian ini, rakaman dibuat secara sedar, informan dimaklumkan dan memberi persetujuan serta setiap perbualan dirakam sebelum ditranskripsikan. Transkripsi dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA) bagi mengekalkan ketepatan representasi bunyi. Proses transkripsi dijalankan sejeurus selepas sesi untuk mengekalkan integriti data dan memudahkan analisis fonetik.

Sebagai pelengkap, pemerhatian ikut serta dijalankan untuk memeriksa kesesuaian antara apa yang dilaporkan informan dan realiti interaksi sosial mereka. Pengkaji turut menyertai perbualan harian dalam situasi semula jadi dan mencatat konteks sosial, tingkah laku, intonasi, serta unsur non-verbal yang relevan. Sekiranya terdapat sebutan yang kurang jelas atau istilah yang meragukan, pengkaji meminta penjelasan lanjut daripada informan untuk memastikan ketepatan data. Kaedah ini sesuai kerana percakapan yang dikumpul bersifat spontan dan natural, serta pemerhatian memberi lapisan triangulasi untuk meningkatkan kebolehpercayaan data.

Sehubungan ini, dalam proses pengumpulan data ini dari sudut praktikal dan etika:

- Persetujuan bermaklumat (informed consent) diperoleh sebelum sesi rakaman dijalankan; pengkaji menerangkan tujuan kajian, penggunaan data, dan jaminan kerahsiaan.
- Jaminan kerahsiaan dan privasi diberikan kepada informan; nama sebenar disamarkan dalam transkrip dan laporan.
- Catatan lapangan disimpan dengan selamat dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan.
- Refleksi selepas setiap sesi (self-reflection) dijalankan oleh pengkaji untuk menilai kesilapan prosedur, bias yang mungkin wujud, dan langkah pembetulan bagi sesi seterusnya.

Dengan gabungan temu bual berstruktur berdasarkan senarai kata, rakaman sedar, dan pemerhatian ikut serta, kajian ini dapat mengumpul data lisan yang kaya, sahih dan sesuai untuk analisis linguistik, terutamanya dalam kajian dialek dan fonetik.

PEMAPARAN DATA DAN ANALISIS DATA

Menurut Mahsun (1995: 14) kaedah pemaparan data melibatkan dua cara iaitu i) perumusan data dengan menggunakan istilah biasa dan istilah teknikal linguistik antaranya fonologi; dan ii) perumusan menggunakan simbol atau lambang tertentu. Kedua-dua cara ini diterapkan dalam menganalisis data dalam kajian ini. Perumusan data menggunakan istilah biasa dan teknikal seperti fonetik, fonologi, fonem, fonemik, alternasi, rekonstruksi, retensi, inovasi, pengelasan, refleks dan lain-lain lagi. Istilah teknikal ini berkait dengan tertentu sesuai dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji contohnya dalam bidang dialektologi dan ilmu bandingan ini. Antara simbol yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- i) (/ /), kurungan miring ini bermaksud mengapit unsur fonologi;
- ii) (/), melambangkan di persekitaran;
- iii) ([]), kurungan siku mengapit unsur bunyi;
- iv) (#), simbol dalam lingkungan tertentu;
- v) (K), lambang konsonan;
- vi) (V), lambang vokal;
- vii) (O), lambang perubahan kosong;
- viii) (N), konsonan nasal velar;
- ix) (ʃ), konsonan nasal palatal;
- x) (ʔ), konsonan plosif glotal tidak bersuara;
- xi) (dʒ), konsonan afrikat palatal bersuara;
- xii) (⊗), konsonan frikatif velar bersuara;
- xiii) (↔), vokal tengah (schwa).

PENDEKATAN STRUKTURAL

Kajian ini, adalah berlandaskan pendekatan struktural. Struktural merupakan satu fahaman yang wujud di Eropah berikutan kebangkitan struktural linguistik yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure. Pendekatan struktural ini berasaskan prinsip-prinsip teori strukturalisme. Teori ini mula berkembang pada tahun 1960-an sebagai satu usaha untuk menerapkan kaedah dan wawasan Ferdinand de Saussure pengasas linguistik moden kepada kesusasteraan (Terry Eagleton, 1983:106). Saussure yang merupakan seorang ahli falsafah Swiss (1857-1913) percaya bahawa bahasa mempunyai struktur dalaman yang tersendiri dan mempunyai peraturan-peraturan yang sistematik (Charles, E. Bressler, 1999:89). Oleh itu, dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural digunapakai dalam menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sesuai dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980: 66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur

bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipenggalkan dan diberi lambang. Kemudian bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi vokal dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

ANALISIS DAPATAN SISTEM FONEM VM DO

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memaparkan inventori dan penyebaran vokal dan diftong dalam kata bagi kawasan kajian. Penyebaran sistem fonem ini memperlihatkan keberadaan fonem berdasarkan posisinya dalam perkataan, iaitu di posisi awal, tengah atau akhir. Analisis dapatan VM yang diketengahkan dalam makalah ini merujuk kepada VM DO.

Sistem Fonem Vokal dan Diftong Varian Melanau Daro

Berdasarkan analisis data yang dilakukan, didapati Varian Melanau DO mempunyai enam fonem vokal /i, u, e, o, ↔, a/ yang terdiri daripada dua vokal depan, dua vokal tengah, dua vokal dan belakang. Jadual 1 memaparkan inventori fonem vokal tersebut.

JADUAL 1. Inventori Vokal VM DO

Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
Kedudukan			
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah		↔	
Rendah		a	

Jadual 1, memperlihatkan terdapatnya dua fonem vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan /i/ dan vokal tinggi belakang /u/ yang dibunyikan sebagai [i] dan [u] hadir pada semua posisi iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Seterusnya, terdapat dua fonem vokal separuh tinggi iaitu vokal separuh tinggi depan /e/ yang dibunyikan sebagai [e] dan vokal separuh tinggi belakang /o/ yang dibunyikan sebagai [o] hanya hadir pada posisi tengah kata dan akhir kata. Manakala, fonem vokal tengah separuh rendah /↔/ yang dibunyikan sebagai [↔] pula hanya hadir pada posisi tengah kata. Sementara itu, fonem vokal rendah tengah /a/ yang dibunyikan sebagai [a] pula hadir pada semua posisi kata iaitu awal dan tengah kata. Jadual 2 memaparkan contoh kesemua penyebaran fonem vokal VM DO yang hadir pada posisi kata tertentu.

JADUAL 2. Penyebaran Fonem Vokal dalam VM DO

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/i/	[imit]	kecil	[labi/]	datang	[b↔⊗si]	bersih
/u/	[ul□]	kepala	[kulit]	kulit	[d↔bu]	debu
/e/	-		[talej]	tali	[kape]	ketiak
/o/	-		[soN]	dada	[dZipo]	sepupu
/↔/	-		[m↔dud]	takut	-	
/a/	ag↔m]	tangan	[pamat]	lari	-	

Seterusnya, dalam VM DO ini terdapat vokal rangkap dalam perkataannya. Vokal rangkap dalam VM ini terdiri daripada urutan dua vokal sahaja. Terdapat dua jenis urutan vokal rangkap dalam VM DO, iaitu vokal rangkap depan – tengah, dan vokal rangkap tengah – belakang. Jadual 3 menunjukkan penyebaran jenis urutan vokal rangkap yang terdapat dalam VM DO.

JADUAL 3. Penyebaran Urutan Vokal Rangkap dalam VM DO

Vokal Rangkap	Struktur Urutan Vokal	DO	BMS
1) Depan-tengah	/i/ + /a/	[tanaq pia⊗]	lumpur
2) Tengah-belakang	/a/ + /u/	[m↔Nau⊗]	mengalir

Seterusnya, VM DO memiliki tiga diftong iaitu /-oj, -aw dan -aj/ yang dibunyikan sebagai [-oj, -aw dan -aj]. Tiga diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Contoh data yang diutarakan ialah seperti dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Penyebaran Diftong dalam VM DO

Jenis Diftong	Penyebaran Diftong Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/oj/	-		-		[t↔loj]	telur
/aw/	-		-		[sijaw]	ayam
/aj/	-		-		[paNaj]	angin

SISTEM FONEM KONSONAN VARIAN MELANAU DARO

Seterusnya, VM DO mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, dua konsonan letusan / tΣ, dZ/, tiga konsonan geseran /s, ⊗, h/, empat konsonan nasal /m, n, ʃ, N/ satu konsonan getaran /r/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Jadual 5 memaparkan inventori fonem konsonan yang wujud dalam VM DO.

JADUAL 5. Inventori Konsonan VM DO

Daerah Sebutan Cara Sebutan		Dua Bibir	Gigi-Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Pita Suara
Letupan/plosif	Tbs	p	t		k	/
	Bs	b	d		g	
Sengau/ Nasal	Tbs					
	Bs	m	n	ŋ	N	
Getaran/ Trill	Tbs					
	Bs		r			
Letusan/ Afrikat	Tbs			tʃ		
	Bs			dʒ		
Geseran/ Frikatif	Tbs		s			h
	Bs				ʔ	
Sisian/ Lateral	Tbs					
	Bs		l			
Separuh Vokal	Tbs					
	Bs	w		j		

Konsonan letupan yang terdapat dalam VM DO ialah konsonan letupan dua bibir, gigi-gusi, lelangit lembut dan pita suara. Konsonan-konsonan tersebut ialah /p, b, t, d, k, g dan //. Terdapat dua fonem letupan dua bibir iaitu /p/ dan /b/ yang dibunyikan sebagai [p] dan [b] dalam VM DO didapati hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah, dan akhir kata. Letupan gigi-gusi dalam VM DO iaitu /t/ dan /d/ yang dibunyikan sebagai [t] dan [d] wujud dalam semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir. Seterusnya, konsonan letupan lelangit lembut iaitu /k/ yang dibunyikan sebagai [k], hadir pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir manakala konsonan letupan lelangit lembut /g/ yang dibunyikan sebagai [g] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Konsonan letupan pita suara /// yang dibunyikan sebagai [/] pula, terdapat pada posisi tengah dan akhir kata. Contoh kesemua kehadiran konsonan letupan pada posisi kata dalam VM DO ini boleh dilihat dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Penyebaran Konsonan Letupan dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letupan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/p/	[pamat]	lari	[kape]	ketiak	[ʃip]	gusi
/b/	[b↔tis]	betis	[labu/]	rumah	[latub]	timbul
/t/	[tigi/]	kotor	[latub]	timbul	[pamat]	lari
/d/	[dijah]	kura-kura	[Nadan]	nama	[kujad]	kera
/k/	[kud↔n]	belanga	[likaw]	alis mata	[t↔muk]	mandi
/g/	[gunoN]	gunung	[tigit]	busuk	-	

// - [ma/it] ipar [labi/] datang

Dalam VM DO terdapat dua konsonan letusan iaitu letusan lelangit keras tak bersuara /tΣ/ dan bersuara /dZ/. Letusan lelangit keras tak bersuara /tΣ/ dibunyikan sebagai [tΣ] hanya hadir pada tengah kata dan letusan lelangit keras tak bersuara /dZ/ yang dibunyikan sebagai [dZ] terdapat pada posisi awal dan tengah kata. Contoh penyebaran konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Penyebaran Konsonan Letusan dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letusan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/tΣ/	-		[matΣaw]	berjalan	-	
/dZ /	[dZawaj]	muka	[budZol]	paruh	-	

Terdapat tiga konsonan geseran dalam VM DO iaitu /s/, /⊗/, dan /h/. Konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara /s/ yang dibunyikan sebagai [s] dan konsonan geseran lelangit lembut bersuara /⊗/, yang dibunyikan sebagai [⊗] dalam perkataan didapati hadir pada semua posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir. Konsonan geseran yang terakhir ialah konsonan geseran pita suara tak bersuara /h/ yang dibunyikan sebagai [h] dalam perkataan, hanya hadir pada posisi akhir kata. Contoh kesemua konsonan geseran dan bunyi konsonan ini dalam setiap posisi kata tertentu dalam perkataan boleh dilihat dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Penyebaran Konsonan Geseran dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Geseran Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/s/	[soN]	dada	[aso]	anjing	[tus]	jarum
/⊗/	[⊗aman]	hanyut	[tu⊗ang]	tuli	[laja⊗]	layar
/h/	-		-		[sijah]	garam

Seterusnya, terdapat empat konsonan sengau dalam VM DO iaitu /m/, /n/, /N/, dan //). Konsonan sengau dua bibir /m/, yang dibunyikan sebagai [m] dan konsonan sengau gigi-gusi /n/, yang dibunyikan sebagai [n] hadir pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Konsonan sengau lelangit keras //), yang dibunyikan sebagai [ʃ] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata dan konsonan sengau lelangit lembut /N/ yang dibunyikan sebagai [N], hadir pada semua posisi kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir. Contoh kesemua konsonan sengau yang hadir pada posisi kata tertentu boleh dilihat dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Penyebaran Konsonan Sengau dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sengau Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/m/	[matah]	mata	[k↔man]	makan	[ag↔m]	tangan
/n/	[naka/]	nangka	[mano/]	burung	[kud↔n]	belanga
/j/	[/ip↔n]	gigi	[ma/it]	tajam	-	
/N/	[Naw]	kucing	[laNit]	langit	[udoN]	hidung

Konsonan getaran gigi-gusi /r/ yang dibunyikan sebagai [r], dalam VM DO ini hanya hadir pada posisi awal kata. Contoh perkataan ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 10.

JADUAL 10. Penyebaran Konsonan Getaran dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Getaran Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/r/	[ruso/] [rasu/]	rusuk panas	-		-	

Konsonan sisian gigi-gusi /l/ yang dibunyikan sebagai [l] dalam perkataan, didapati berada pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir. Contoh penyebaran konsonan ini ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 11.

JADUAL 11. Penyebaran Konsonan Sisian dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sisian Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/l/	[labi/]	datang	[kulit]	kulit	[ak↔l]	akal

Dalam VM DO, terdapat konsonan /w/ dan /j/ yang dibunyikan sebagai [w] dan [j]. Konsonan separuh vokal dua bibir /w/ dan konsonan separuh vokal lelangit keras /j/, hanya hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Pada akhir perkataan didapati kedua-dua konsonan dalam VM DO ini memperlihatkan sebagai satu penyatuan bagi membentuk diftong. Contoh penyebaran konsonan separuh vokal ini boleh dilihat dalam Jadual 12.

JADUAL 12. Penyebaran Konsonan Separuh Vokal dalam VM DO

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Separuh Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/w/	-		[sawah]	suami	[kasaw]	kasau
/j/	-		[bajah]	buaya	[talej]	tali

Berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan), VM ini turut memperlihatkan wujudnya enam jenis rangkap konsonan iaitu bukan homorganik nasal /-⊗s-, -hl-, dan -⊗b-/ dan homorganik nasal pada posisi tengah kata. Pada posisi ini, rangkap homorganik nasal ini wujud dalam bentuk nasal + letupan dengan membentuk konstruksi seperti berikut; /-Nk-, -Ng- dan -nt-/. Contoh kehadiran rangkap konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 13.

JADUAL 13. Penyebaran Rangkap Konsonan dalam VM DO

Rangkap Konsonan	Penyebaran Rangkap Konsonan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/-⊗s-/	-		[b↔⊗si]	bersih	-	
/-hl-/	-		[ʃahljaN]	manis	-	
/-⊗b-/	-		[k↔⊗baw]	kerbau	-	
/-Nk-/	-		[laNkuwas]	lengkuas	-	
/-Ng-/	-		[t↔Nguk]	leher	-	
/-nt-/	-		[dZantoN]	jantung	-	

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa sistem bunyi VM DO mengekalkan sebahagian ciri tradisionalnya, tetapi turut mengalami beberapa perubahan atau inovasi yang lazim dijumpai di komuniti pesisir. Kehadiran schwa dan had posisi diftong akhir mencerminkan keseimbangan antara retensi warisan dan pengaruh kontak bahasa. Ketiadaan beberapa konsonan atau keterhadapan beberapa fonem pada posisi tertentu (contohnya /g/ tidak di hujung kata) boleh dijelaskan melalui proses fonotaktik dan sejarah bunyi tempatan. Pola rangkap nasal+letupan di tengah kata menguatkan andaian bahawa konstruksi ini berfungsi fonotaktik untuk mengekalkan kontras morfologi. Perbandingan dengan inventori varian Melanau lain akan mengungkap variasi merata yang memberi petunjuk tentang arah perubahan fonologi dan jalur penyebaran inovasi. Selain itu, saranan kajian lanjut termasuk sampel informan lebih besar merentasi

umur dan pendidikan, analisis akustik untuk mengesahkan realisasi fonetik, serta perbandingan komparatif antara VM untuk menelusuri sejarah bunyi dan mekanisme kontak bahasa boleh juga dilihat kajian selanjutnya.

KESIMPULAN

Dalam makalah ini, pengkaji telah memaparkan hasil daripada kajian pengkaji terhadap VM DO. Analisis data bermula dari segi penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi vokal, diftong, konsonan dan pola suku kata. Hasilnya, VM DO mempunyai 6 fonem vokal iaitu /i, u, e, o, ↔, a/ yang terdiri daripada dua vokal depan, dua vokal tengah, dan dua vokal belakang, memiliki dua jenis urutan vokal rangkap dalam VM DO, iaitu vokal rangkap depan – tengah, dan vokal rangkap tengah – belakang serta memiliki tiga diftong iaitu /-oj, -aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [-oj, -aw, -aj,]. Tiga diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Seterusnya, VM DO mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, dua konsonan letusan / tΣ, dZ/, tiga konsonan geseran /s, ⊗, h/, empat konsonan nasal /m, n, ʎ, N/ satu konsonan getaran /r/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan), VM ini turut memperlihatkan wujudnya enam jenis rangkap konsonan iaitu bukan homorganik nasal /-⊗s-, -hl-, dan -⊗b-/ dan homorganik nasal pada posisi tengah kata. Pada posisi ini, rangkap homorganik nasal ini wujud dalam bentuk nasal + letupan dengan membentuk konstruksi seperti berikut; /-Nk-, -Ng- dan -nt-/.

Kesimpulannya, VM DO mempunyai sistem fonem yang relatif stabil dengan 6 vokal, 3 diftong terminal dan 20 konsonan termasuk rangkap khas. Gabungan data kawalan (senarai kata), rakaman dan transkripsi IPA memberi gambaran fonologi yang boleh dipercayai dan menyumbang kepada pengisian jurang kajian varian Melanau.

NOTA HUJUNG

1. Rujuk Hj. Tajuddin B. Hj. Hussein. 2009. *Malaysia Negara Kita*. MDC Publisher Sdn. Bhd.
2. Ibid.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas* (Monografi 3). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1975. *Essays on Malaysian linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bressler, C. E. 1999. *Literary criticism: An introduction to theory and practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Clayre, I. F. C. S. 1970. The spelling of Melanau (Nee Milano). *Sarawak Museum Journal*, 28(5), 330–352.
- Harrison, T. 1959. The Kelabit and Muruts. In *The people of Sarawak* (p. 57). Kuching.
- Tarigan, H. G. 1991. *Metodologi pengajaran bahasa 1*. Bandung: Angkasa.
- Human Relations Area Files. 1959. *North Borneo, Brunei & Sarawak*. New Haven.
- Information Malaysia 1992–93 year book*. 1992. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

- Kaharuddin, & Rahim Aman. 2011. Hukum bunyi dalam bahasa Indonesia dan bahasa Makassar. *Jurnal Melayu*, 7, 287–302.
- Kurath, H. 1972. *Studies in area linguistics*. Bloomington: Indiana University Press.
- King, V. T. 1978. *Essays on Borneo society*. London: Oxford University Press.
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistic patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Mahsun. 1995. *Dialektologi diakronis: Sebuah pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mahsun. 2005. *Metode penelitian bahasa*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Mohd. Sheffe Abu Bakar. 1991. *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. H. 2010. Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berasaskan jaringan sungai. *Jurnal Melayu*, 5, 315–332.
- Mouly, G. J. 1970. *The science of educational research* (2nd ed.). New York: D. Van Nostrand.
- Morris, H. S. 1989. The Melanau: An ethnographic overview. *Sarawak Museum Journal*, 40(61), 181–187.
- Norfazila Ab Hamid. 2014. *Rekonstruksi dan pengelasan bahasa Melanau purba* (Tesis doktor falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfazila Ab Hamid, & Rahim Aman. 2015. Menentukan inventori fonem varian Melanau Oya dengan menggunakan pendekatan struktural. In *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan 2015 (SLiK)* (pp. 63–78).
- Norfazila Ab Hamid, & Rahim Aman. 2016. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15(1), 99–112.
- Norfazila Ab Hamid, & Rahim Aman. 2017. Varian dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis linguistik bandingan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(2), 219–244.
- Norfazila Ab Hamid, Norhasliza Ramli, & Rahim Aman. 2017. Sistem jaringan komunikasi Langkawi varian Kedawang. *Jurnal Melayu (Isu Khas)*, 407–418.
- Norfazila Ab Hamid, Rahim Aman, & Shahidi A. H. 2018. Melanau language ancient consonant phoneme. *Dialectologia*, 20, 21–42.
- Norfazila Ab Hamid. 2019. Inventori fonem dialek Melayu Jugra di Permatang Pasir. *Jurnal Melayu*, 18(1), 29–42.
- Norfazila Ab Hamid. 2020a. Komunikasi lisan dialek Melayu Jugra. *Jurnal Melayu (Isu Khas Disember)*, 517–529.
- Norfazila Ab Hamid. 2020b. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Igan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 321–336.
- Norfazila Ab Hamid, & Norhasliza Ramli. 2021. Inventori fonem dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil di Salang. *Jurnal Melayu*, 20(1), 109–125.
- Norfazila Ab Hamid, Shahidi A. Hamid, & Wan Robiah Meor Osman. 2023a. Variasi vokal dan diftong bahasa Melanau Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 19(4), 245–262.
- Norfazila Ab Hamid, & Wan Robiah Meor Osman. 2023b. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Matu. *Jurnal Melayu (Isu Khas Disember)*, 138–151.
- Norfazila Ab Hamid, Wan Robiah Meor Osman, Norhasliza Ramli, & Raj Ali. 2023c. Inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Balingian di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 22(2), 71–83.
- Norfazila Ab Hamid. 2024a. Inventori fonem varian Melanau Bintulu di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 23(2), 1–17.
- Norfazila Ab Hamid, & Shahidi A. H. 2024b. Penyebaran fonem konsonan Melanau Balingian Sarawak. *Jurnal Melayu (Isu Khas Disember)*, 25–39.

- Rahim Aman. 1997. *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban* (Tesis sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2010. Perbandingan dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah. *Jurnal Melayu*, 5, 333–374.
- Samarin, W. J. 1967. *Field linguistics: A guide to linguistic field work*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Samarin, W. J. 1993. *Linguistik lapangan: Panduan kerja lapangan linguistik* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajuddin B. Hj. Hussein. 2009. *Malaysia negara kita*. Kuala Lumpur: MDC Publisher.
- Eagleton, T. 1983. *Literary theory: An introduction*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Kaedah penyelidikan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Norfazila Ab. Hamid (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Linguistik Bandingan Melayu & Dialektologi Melayu.